

Harian Metro - 4/4/16 -

Menghormati orang bersolat

■ Nabi SAW melarang keras lalu di hadapan seseorang sedang sembahyang

Beribadat di masjid atau surau sangat terpuji. Namun, kita perlu mengetahui dan menjaga adabnya. Jangan sampai sikap dan tindakan kita di luar adab yang selayaknya menyebabkan orang lain terganggu.

Antara adab yang sepatutnya dijaga ialah tidak melintas di depan orang sedang mengerjakan solat. Perkara ini diberikan peringatan oleh Rasulullah SAW menerusi hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, mafhumnya:

"Sekiranya orang yang melintas di depan orang sedang solat mengetahui apa akibat akan ditanggung, nescaya dia akan berdiri selama empat puluh lebih baik baginya daripada dia melintas di depan orang sedang solat."

Abu an-Nadhr iaitu seorang perawi hadis itu berkata: "Aku tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan jumlah 'empat puluh' itu. Adakah empat puluh hari, bulan atau tahun?" Cuba bayangkan, betapa besar ancaman bagi orang yang melintas depan orang lain yang sedang menunaikan solat.

Imam Nawawi dalam Syarah Sahih Muslim



SOLAT berjemaah satu lautan berpaguyub ubuh Islam - Gambar: Hiasan

FAKTA
Berilah juga tunjuk ajar kepada anak kita mengenai adab ini apabila ke masjid

menjelaskan maksud hadis itu: "Makna hadis ini, sekiranya dia mengetahui betapa besarnya dosa daripada perbuatan itu (melintas di depan orang sedang solat), pasti dia memilih untuk berhenti selama empat puluh daripada perlu menanggung dosa akibat perbuatan itu. "Jadi, hadis ini adalah larangan cukup keras dan ancaman berat sebagai

akibat perbuatan melintas di depan orang solat." Kita perlu mengambil serius perkara ini. Usah meng-anggap remeh kerana ia diberikan peringatan oleh Rasulullah SAW. Apabila masuk ke dalam masjid atau surau, waspadalah dengan setiap langkah kita. Berjalanlah dengan sopan dan jangan

solat. Berilah juga tunjuk ajar kepada anak kita adab ini apabila ke masjid. Jangan sampai orang lain menegur 'anak siapa' dan 'siapa babanya', nanti diri sendiri pula berasa tidak selesa. Seterusnya, kita wajar memilih tempat yang sesuai sebelum mengangkat takbir. Tempat sesuai ini bermaksud kita berdiri

untuk mengerjakan solat bukan di laluan orang ramai seperti di depan pintu masuk masjid.

Kita juga digalakkan meletakkan 'sutra' di depan tempat kita solat. Sutra boleh terdiri daripada barang kita sendiri seperti beg sebagai penghadang atau pembatas.

Selain perbuatan itu satu sunah, ia mengelakkan kita daripada terganggu oleh orang lain yang mungkin melalui di depan kita.

Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: "Apabila seorang antara kamu meletakkan sesuatu objek yang setinggi seperti pelana haiwan tunggangan di depannya (sebagai sutrah), maka solatlah dan jangan pedulikan sesiapa yang melintas di sebalik objek itu." (Riwayat Muslim)

Bagaimanapun, perkara ini (meletakkan sutrah) sesuai dilakukan apabila kita solat bersendirian di masjid atau tempat awam dan pada masa sama ia mungkin menjadi laluan orang lain ketika menunaikan solat.

Sekiranya kita menjadi makmum dalam solat berjemaah, maka kita tidak perlu memikirkan hal"sutra' kerana mengikut sutrah imam

AL-HAQ
Sehari sepotong ayat
"Dan bandar-bandar yang ditunggu baik itu, Dialah yang (mengangkatnya ke angkasa dan) menghempaskannya ke bumi."
(Surah an-Najm, ayat 53)
Yakni bandar-bandar tempat tinggal kaum Nabi Lut yang telah dibinasakan dengan sebab dosa-dosa yang mereka lakukan
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman.

yang pada kebiasaannya menunaikan solat di bahagian paling depan, iaitu tempat bukan menjadi laluan orang.

Marilah kita perhatikan dan jaga diri kita masing-masing. Kita pelihara adab dan ibadat. Kita menunaikan solat dengan penuh khusyuk.

Apabila berada di dewan solat, kita menghadirkan hati kepada Allah, bukannya terus leka dengan telefon bimbit atau berbual-bual kosong.

Firman-Nya bermaksud: "Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya. Dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia." (Surah al-Mukminun, ayat 1 hingga 3).

Penulis ialah pensyarah UniSZA